

**ANALISIS STRUKTUR INTERAKSI WACANA  
SIDANG MEDIA COVID-19 KEMENTERIAN  
KESIHATAN MALAYSIA**

**SHAMIN BINTI SHARIF**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2025**

**ANALISIS STRUKTUR INTERAKSI WACANA  
SIDANG MEDIA COVID-19 KEMENTERIAN  
KESIHATAN MALAYSIA**

**oleh**


**SHAMIN BINTI SHARIF**

**Tesis diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera**

**Februari 2025**

## PERAKUAN PELAJAR

Saya, seperti yang bernama dibawah mengaku bahawa disertasi ini adalah hasil penulisan saya sendiri dan tidak mengandungi bahan-bahan yang pernah ditulis atau diterbitkan, melainkan diberikan rujukannya. Hasil kerja ini juga adalah asli. Jumlah perkataan penulisan disertasi ini adalah 111487.

Tandatangan	:	
Nama Pelajar	:	Shamin Binti Sharif
No. Kad Pengenalan / Passport	:	961212-09-5180
No. Matrik	:	P-HM0008/20 (R)
Tarikh	:	September 2023

## **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah SWT atas izin dan rahmat-Nya, penulisan disertasi ini dapat disempurnakan bagi memenuhi keperluan pengijazahan Sarjana Sastera Pengajian Bahasa Melayu.

Pengkaji ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia budiman, Dr. Mohd. Khaidir bin Abdul Wahab yang telah banyak memberi tunjuk ajar, ilmu, bimbingan, motivasi, nasihat dan mendoakan pengkaji sepanjang proses menyiapkan tesis ini amat dihargai. Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada penyelia pengkaji sebelum ini yang telah berpencen, iaitu Dr. Aniswal Binti Abd Ghani yang telah memberi sokongan agar tesis pengkaji berada pada landasan yang betul dan disempurnakan sebaiknya. Semoga segala ilmu dan tunjuk ajar yang telah diberikan oleh mereka akan dibalas dengan sebesar-besar ganjaran oleh Allah SWT.

Ucapan setinggi terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah Bahagian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia yang telah banyak memberi didikan, ilmu pengetahuan dan semangat sepanjang pengajian pengkaji di USM, iaitu Dr. Radiah binti Yusoff, Dr. Norsofiah binti Abu Bakar, Dr. Jong Hui Ying dan Puan Norhaniza binti Abdul Khairi atas segala ilmu yang telah dicurahkan.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga pengkaji tujukan kepada staf pengurusan dan pentadbiran Institut Pengajian Siswazah dan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan atas segala kerjasama dan bantuan yang telah diberikan kepada pengkaji sepanjang pengajian di Universiti Sains Malaysia.

Sekalung penghargaan juga dititipkan buat bonda tersayang, Puan Sa'adiyah binti Ibrahim dan kakak pengkaji, iaitu Shahira binti Sharif yang banyak membantu, mendoakan, mendorong dan memahami keadaan diri pengkaji yang sering dalam kesempitan ruang dan masa kerana menyiapkan disertasi ini. Semoga kejayaan ini memberi semangat dan inspirasi baharu dalam keluarga kita untuk terus melakar kejayaan demi kejayaan pada masa hadapan. Selain itu, ucapan terima kasih ditujukan kepada suami pengkaji, Muhammad Amar bin Ahmad yang memberikan sokongan untuk setiap perkara sepanjang pengkaji menyiapkan tesis ini. Kepada teman seperjuangan, anda semua adalah pembakar semangat untuk diri ini terus berjuang hingga menggenggam segulung ijazah sarjana. Semoga kajian ini mampu memberi manfaat kepada bidang linguistik bahasa Melayu.

Shamin binti Sharif

2025

## SENARAI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b> .....	<b>ii</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b> .....	<b>iv</b>
<b>SENARAI JADUAL</b> .....	<b>ix</b>
<b>SENARAI RAJAH</b> .....	<b>xvi</b>
<b>SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN</b> .....	<b>xvii</b>
<b>SENARAI RUJUKAN LAMPIRAN</b> .....	<b>xix</b>
<b>ABSTRAK</b> .....	<b>xx</b>
<b>ABSTRACT</b> .....	<b>xxii</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b> .....	<b>1</b>
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang COVID-19 .....	1
1.3 Latar Belakang Sidang Media .....	2
1.3.1 Latar Belakang Sidang Media COVID-19 KKM.....	4
1.3.2 Latar belakang pemeran kajian.....	5
1.3.3 Rakaman Sidang Media COVID-19 .....	6
1.4 Konsep Wacana.....	8
1.4.1 Unit yang melebihi batas ayat.....	10
1.4.2 Penggunaan bahasa .....	10
1.4.3 Ujaran.....	11
1.4.4 Teks.....	12
1.6 Pernyataan Masalah .....	15
1.7 Objektif Kajian.....	19
1.8 Persoalan Kajian.....	19

1.9	Batasan Kajian.....	20
1.10	Kepentingan Kajian .....	21
1.11	Definisi Operasional .....	24
1.11.1	Struktur Interaksi .....	24
1.11.2	Analisis Perbualan.....	25
1.11.3	Sidang Media .....	26
1.11.4	Tanya Jawab.....	27
1.12	Penutup.....	28
<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN LITERATUR.....</b>	<b>29</b>
2.1	Pengenalan.....	29
2.2	Konsep Analisis Perbualan.....	29
2.2.1	Aspek Analisis Perbualan.....	31
2.2.1(a)	Pembuka Perbualan .....	31
2.2.1(b)	Pengambilan Giliran.....	32
2.2.1(c)	Pembetulan .....	35
2.2.1(d)	Pasangan Bersebelahan.....	37
2.2.1(e)	Penutup Perbualan.....	38
2.3	Kajian Berkaitan Linguistik dan COVID-19.....	39
2.4	Kajian Berkaitan Analisis Wacana.....	44
2.5	Kajian Berkaitan Struktur Interaksi .....	48
2.6	Jurang Penyelidikan .....	71
2.7	Penutup.....	74
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN.....</b>	<b>77</b>
3.1	Pengenalan .....	77
3.2	Reka Bentuk Kajian .....	77

3.3	Kaedah Kajian.....	78
3.3.1	Analisis KandunganTeks.....	79
3.4	Bahan Kajian.....	80
3.4.1	Penggunaan Gelaran Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.....	83
3.5	Kerangka Teoretis .....	84
3.5.1	Teori Analisis Perbualan Oleh Liddicoat (2011).....	84
3.5.1(a)	Pembuka perbualan ( <i>Opening conversation</i> ).....	85
3.5.1(b)	Pengambilan giliran ( <i>turn-taking in conversation</i> ).....	86
3.5.1 (b)(i)	Penutur semasa memilih penutur berikutnya ( <i>current speaker can select the next speaker</i> ).....	88
3.5.1 (b)(ii)	Pemilihan diri sendiri sebagai penutur berikutnya ( <i>next speaker self-selects</i> ).....	88
3.5.1 (b)(iii)	Penutur semasa meneruskan ujaran.....	88
3.5.1(c)	Pengembangan urutan ( <i>expanding sequence</i> ) .....	89
3.5.1(d)	Jurang dan Pertindihan ( <i>gaps and overlaps</i> ) .....	89
3.5.1(e)	Pasangan bersebelahan ( <i>adjacency pairs</i> ).....	91
3.5.1(f)	Pembetulan ( <i>repair</i> ) .....	92
3.5.1(g)	Penutup perbualan ( <i>closing conversation</i> ) .....	96
3.5.2	Model Struktur Interaksi Oleh Asmah (2010).....	98
3.5.2(a)	Pembuka Turutan.....	99
3.5.2(b)	Pengenalan Pemeran.....	100
3.5.2(c)	Pernyataan Tujuan .....	101
3.5.2(d)	Tanya Jawab.....	102
3.5.2(e)	Penutup Turutan .....	103



4.3.1.6	Pengembangan Urutan .....	292
4.3.1.6(a)	Pra Permintaan .....	292
4.3.1.6(b)	Pra Pemberitahuan .....	297
4.3.1.7	Pasangan Bersebelahan .....	309
4.3.1.7(a)	Salam- Memberi Salam .....	309
4.3.1.7(b)	Andaian- Penjelasan.....	314
4.3.1.7(c)	Permintaan- Pemberian .....	319
4.3.1.8	Pembetulan .....	320
4.3.1.8(a)	Pembetulan Yang Dimulakan Dengan Diri Sendiri.....	320
4.3.1.8(b)	Pembetulan Lain Yang Dimulakan Orang lain .....	329
4.3.1.9	Pertindihan.....	333
4.3.1.10	Penutup Perbualan .....	342
4.4	Struktur Interaksi Yang Menonjol Dalam Sidang Media COVID-19 KKM.....	355
4.4.1	Sidang Media Covid-19 KKM 17 April 2020.....	358
4.4.2	Sidang Media COVID-19 KKM 10 Jun 2020.....	363
4.4.3	Sidang Media Covid-19 KKM 1 Julai 2020.....	367
4.4.4	Sidang Media Covid-19 KKM 24 Oktober 2020.....	371
4.4.5	Sidang Media Covid-19 Kkm 8 Mei 2021.....	377
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN .....</b>	<b>381</b>
5.1	Pengenalan .....	381
5.2	Aspek Struktur Interaksi Sidang Media Covid-19 KKM.....	381
5.3	Aspek Yang Dipatuhi Dan Aspek Yang Tidak Dipatuhi Struktur Interaksi	

	Sidang Media COVID-19.....	386
	5.3.1 Pembuka Turutan .....	387
	5.3.2 Pengenalan Pemeran .....	389
	5.3.3 Pernyataan Tujuan .....	391
	5.3.4 Tanya Jawab.....	393
	5.3.5 Pengambilan Giliran .....	394
	5.3.6 Pengembangan Urutan .....	397
	5.3.7 Pasangan Bersebelahan .....	398
	5.3.8 Pembetulan.....	401
	5.3.9 Pertindihan .....	404
	5.3.10 Penutup Perbualan.....	406
5.4	Struktur Interaksi Yang Menonjol Dalam Sidang Media COVID-19 KKM berdasarkan Teori Analisis Perbualan Oleh Liddicoat (2011) Dan Model Struktur Interaksi Oleh Asmah (2010).....	408
	5.4.1 Kesan Mematuhi Aspek Pengambilan Giliran.....	411
5.5	Penutup.....	413
	<b>BAB 6 KESIMPULAN .....</b>	<b>415</b>
6.1	Pengenalan .....	415
6.2	Rumusan.....	415
6.3	Implikasi.....	417
6.4	Cadangan Kajian Akan Datang .....	419
6.5	Penutup.....	420
	<b>RUJUKAN.....</b>	<b>421</b>

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 1.0	Kronologi COVID-19 di Malaysia.....3
Jadual 3.1	Tempoh Masa Rakaman Sidang Media.....99
Jadual 4.1.1	Data Pembuka Perbualan Sidang Media COVID-19 KKM 17 April 2020.....141
Jadual 4.1.2	Data Pembuka Perbualan Sidang Media COVID-19 KKM 10 Jun 2020.....145
Jadual 4.1.3	Data Pembuka Perbualan Sidang Media COVID-19 KKM 1 Julai 2020.....148
Jadual 4.1.4	Data Pembuka Perbualan Sidang Media COVID-19 KKM 24 Oktober 2020.....150
Jadual 4.1.5	Data Pembuka Perbualan Sidang Media COVID-19 KKM 8 Mei 2020.....154
Jadual 4.1.6	Data Isi Perbualan Sidang Media COVID-19 KKM 17 April 2020.....159
Jadual 4.1.7	Data Isi Perbualan Sidang Media COVID-19 KKM 10 Jun 2020.....172
Jadual 4.1.8	Data Isi Perbualan Sidang Media COVID-19 KKM 1 Julai 2020.....176
Jadual 4.1.9	Data Isi Perbualan Sidang Media COVID-19 KKM 24 Oktober 2020.....183
Jadual 4.1.10	Data Isi Perbualan Sidang Media COVID-19 KKM 8 Mei 2021.....190
Jadual 4.1.11	Data Penutup perbualan Sidang Media COVID-19 KKM 17 April 2020.....199
Jadual 4.1.12	Data Penutup perbualan Sidang Media COVID-19 KKM 10 Jun 2020.....199
Jadual 4.1.13	Data Penutup perbualan Sidang Media COVID-19 KKM 1 Julai 2020.....200

Jadual 4.1.14	Data Penutup perbualan Sidang Media COVID-19 KKM 24 Oktober 2020.....	201
Jadual 4.1.15	Data Penutup perbualan Sidang Media COVID-19 KKM 8 Mei 2021.....	201
Jadual 4.2.1	Data Pembuka Turutan Sidang Media COVID-19 KKM 17 April 2020.....	205
Jadual 4.2.2	Data Pembuka Turutan Sidang Media COVID-19 KKM 10 Jun 2020.....	205
Jadual 4.2.3	Data Pembuka Turutan Sidang Media COVID-19 KKM 1 Julai 2020.....	206
Jadual 4.2.4	Data Pembuka Turutan Sidang Media COVID-19 KKM 24 Oktober 2020.....	207
Jadual 4.2.5	Data Pembuka Turutan Sidang Media COVID-19 KKM 8 Mei 2021.....	208
Jadual 4.2.6	Data Pengenalan Pemeran Sidang Media COVID-19 KKM 17 April 2020.....	209
Jadual 4.2.7	Data Pengenalan Pemeran Sidang Media COVID-19 KKM 17 April 2020.....	211
Jadual 4.2.8	Data Pengenalan Pemeran Sidang Media COVID-19 KKM 1 Julai 2020.....	212
Jadual 4.2.9	Data Pengenalan Pemeran Sidang Media COVID-19 KKM 1 Julai 2020.....	213
Jadual 4.2.10	Data Pengenalan Pemeran Sidang Media COVID-19 KKM Oktober 2020.....	214
Jadual 4.2.11	Data Pengenalan Pemeran Sidang Media COVID-19 KKM 24 Oktober 2020.....	215
Jadual 4.2.12	Data Pengenalan Pemeran Sidang Media COVID-19 KKM 24 Oktober 2020.....	217
Jadual 4.2.13	Data Pengenalan Pemeran Sidang Media COVID-19 KKM 8 Mei 2021.....	218
Jadual 4.2.14	Data Pernyataan Tujuan Sidang Media COVID-19 KKM 17 April 2020.....	220
Jadual 4.2.15	Data Pernyataan Tujuan Sidang Media COVID-19 KKM 17 April 2020.....	222

Jadual 4.2.16	Data Pernyataan Tujuan Sidang Media COVID-19 KKM 17 April 2020.....	223
Jadual 4.2.17	Data Pernyataan Tujuan Sidang Media COVID-19 KKM 10 Jun 2020.....	224
Jadual 4.2.18	Data Pernyataan Tujuan Sidang Media COVID-19 KKM 1 Julai 2020.....	225
Jadual 4.2.19	Data Pernyataan Tujuan Sidang Media COVID-19 KKM 24 Oktober 2020.....	226
Jadual 4.2.20	Data Pernyataan Tujuan Sidang Media COVID-19 KKM 24 Oktober 2020.....	228
Jadual 4.2.21	Data Pernyataan Tujuan Sidang Media COVID-19 KKM 24 Oktober 2020.....	229
Jadual 4.2.22	Data Pernyataan Tujuan Sidang Media COVID-19 KKM 24 Oktober 2020.....	230
Jadual 4.2.23	Data Pernyataan Tujuan Sidang Media COVID-19 KKM 8 Mei 2021.....	231
Jadual 4.2.24	Data Pernyataan Tujuan Sidang Media COVID-19 KKM 8 Mei 2021.....	233
Jadual 4.2.25	Data Tanya Jawab Sidang Media COVID-19 KKM 17 April 2020.....	235
Jadual 4.2.26	Data Tanya Jawab Sidang Media COVID-19 KKM 10 Jun 2020.....	236
Jadual 4.2.27	Data Tanya Jawab Sidang Media COVID-19 KKM 10 Jun 2020.....	238
Jadual 4.2.28	Data Tanya Jawab Sidang Media COVID-19 KKM 1 Julai 2020.....	239
Jadual 4.2.29	Data Tanya Jawab Sidang Media COVID-19 KKM 24 Oktober 2020.....	241
Jadual 4.2.30	Data Tanya Jawab Sidang Media COVID-19 KKM 24 Oktober 2020.....	243
Jadual 4.2.31	Data Tanya Jawab Sidang Media COVID-19 KKM 24 Oktober 2020.....	246
Jadual 4.2.32	Data Tanya Jawab Sidang Media COVID-19 KKM 24 Oktober 2020.....	248

Jadual 4.2.33	Data Tanya Jawab Sidang Media COVID-19 KKM 8 Mei 2021.....	250
Jadual 4.2.34	Data Tanya Jawab Sidang Media COVID-19 KKM 8 Mei 2021.....	251
Jadual 4.2.35	Data Tanya Jawab Sidang Media COVID-19 KKM 8 Mei 2021.....	253
Jadual 4.2.36	Data Pengambilan Giliran Sidang Media COVID-19 KKM 17 April 2020.....	258
Jadual 4.2.37	Data Pengambilan Giliran Sidang Media COVID-19 KKM 17 April 2020.....	259
Jadual 4.2.38	Data Pengambilan Giliran Sidang Media COVID-19 KKM 17 April 2020.....	261
Jadual 4.2.39	Data Pengambilan Giliran Sidang Media COVID-19 KKM 10 Jun 2020.....	262
Jadual 4.2.40	Data Pengambilan Giliran Sidang Media COVID-19 KKM 1 Julai 2020.....	264
Jadual 4.2.41	Data Pengambilan Giliran Sidang Media COVID-19 KKM 24 Oktober 2020.....	265
Jadual 4.2.42	Data Pengambilan Giliran Sidang Media COVID-19 KKM 24 Oktober 2020.....	266
Jadual 4.2.43	Data Pengambilan Giliran Sidang Media COVID-19 KKM 24 Oktober 2020.....	268
Jadual 4.2.44	Data Pengambilan Giliran Sidang Media COVID-19 KKM 24 Oktober 2020.....	271
Jadual 4.2.45	Data Pengambilan Giliran Sidang Media COVID-19 KKM 24 Oktober 2020.....	273

## SENARAI RAJAH

### Halaman

Rajah 1.0	Penggunaan media sosial di Malaysia pada tahun 2019, 2020 dan 2021.....	13
Rajah 3.1	Contoh proses muat turun rakaman sidang media.....	98
Rajah 3.2	Tangkap layar rakaman sidang media COVID-19 KKM pada 17 April 2020.....	103
Rajah 3.3	Tangkap Layar Saluran Youtube Kementerian Kesihatan Malaysia.....	104
Rajah 3.4	Kerangka Teori Analisis Perbualan oleh Liddicoat (2011).....	120
Rajah 3.5	Kerangka teori Model Struktur Interaksi oleh Asmah (2010).....	126
Rajah 3.6	Kerangka teori <i>Conversation Analysis</i> (Analisis Perbualan) oleh Liddicoat (2011) dan Model Struktur Interaksi oleh Asmah (2010).....	127
Rajah 3.7	Kerangka Konseptual Kajian.....	129
Rajah 3.8	Prosedur Pengumpulan Data.....	131
Rajah 3.9	Prosedur Penghasilan Transkripsi.....	133

## SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN

[	pertindihan; mula
]	pertindihan; tutup
[ ]	Pertindahan
	berlaku pada masa sama sekiranya pada tempat yang sama
=	pasangan bersebelahan
(8.0)	tidak bersuara; senyap
(.)	saat berhenti/micropause
(( ))	Aktiviti bukan lisan (bunyi dan sebagainya)
( )	Ujaran yang tidak jelas
(tekaan)	Tekaan untuk ujaran yang tidak jelas
×	Rentak ujaran bertambah cepat
◇	Rentak ujaran semakin menurun
.	nada turun
?	nada naik
,	nada berterusan
5	nada tinggi lebih tinggi daripada koma
:	panjangkan bunyi
-	berhenti;terputus
word/perkataan	nada tinggi; kuat
Word/perkataan	nada kuat
H	Ketawa semasa ujaran
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
SARS	<i>Severe Acute Respiratory Syndrome</i>
WHO	Pertubuhan Kesihatan Sedunia
COVID-19	Novel Coronavirus 2019

PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PKPB	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat
PKD	Perintah Kawalan Diperketatkan
SOP	Prosedur Operasi Standard
RTM	Rancangan Televisyen Malaysia
P.S.M	Panglima Setia Mahkota
TSDNH	Tan Sri Dr. Noor Hisham
DDNH	Dr. Noor Hisham
MKN	Majlis Keselamatan Negara
MARii	<i>Malaysia Automotive, Robotics an IoT Institute</i>
ICU	Unit Rawatan Rapi

## SENARAI RUJUKAN LAMPIRAN

Lampiran	Transkripsi Sidang Media COVID-19 KKM 17 April 2020
Lampiran	Transkripsi Sidang Media COVID-19 KKM 10 Jun 2020
Lampiran	Transkripsi Sidang Media COVID-19 KKM 1 Julai 2020
Lampiran	Transkripsi Sidang Media COVID-19 KKM 24 Oktober 2020
Lampiran	Transkripsi Sidang Media COVID-19 KKM 8 Mei 2021
Lampiran	Borang peniln pakar
Lampiran	Borang pengesahan transkripsi

**ANALISIS STRUKTUR INTERAKSI WACANA SIDANG MEDIA COVID-19  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**ABSTRAK**

Sidang media merupakan platform untuk penyampaian maklumat terkini kepada masyarakat. Oleh itu, terdapat beberapa persoalan yang ingin dirungkaikan oleh pengkaji sama ada sidang media di Malaysia mempunyai struktur tersendiri atau sebaliknya. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti aspek struktur interaksi. Selain itu, pengkaji juga meneliti aspek struktur interaksi yang dipatuhi dan tidak dipatuhi dalam sidang media ini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan cara memuat turun rakaman daripada *Youtube* dan analisis kandungan teks. Bahan kajian merupakan rakaman sidang media COVID-19 pada 24 April 2020, 10 Jun 2020, 1 Julai 2020, 24 Oktober 2020 dan 8 Mei 2021 yang ditranskripsikan kepada bentuk tulisan, iaitu dengan mengaplikasikan simbol transkripsi oleh Jefferson (2004). Setiap ujaran yang terdapat dalam transkripsi ini dianalisis dengan menggunakan kerangka teoretis Analisis Perbualan oleh Liddicoat (2011) dan Model Struktur Interaksi oleh Asmah (2010). Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat sepuluh aspek struktur interaksi yang dipatuhi, iaitu pembuka turutan, pengenalan pemeran, pernyataan tujuan, tanya jawab, pengambilan giliran, pengembangan urutan, pasangan bersebelahan, pertindihan, pembetulan dan penutup perbualan. Pengambilan giliran merupakan aspek yang paling menonjol dalam sidang media ini kerana pengambilan giliran merupakan unit paling asas dalam sesebuah perbualan. Kepatuhan pemeran dalam sidang media ini menunjukkan bahawa pemeran memahami struktur interaksi yang berlaku.

# **ANALYSIS OF THE DISCOURSE INTERACTION STRUCTURE OF THE MALAYSIAN MINISTRY OF HEALTH COVID-19 MEDIA CONFERENCE**

## **ABSTRACT**

The press conference is a platform for delivering the latest information to the public. Therefore, there are several questions that the researcher wants to unravel regarding whether press conferences in Malaysia have their own structure or not. The purpose of this study is to identify, explain the structure of interaction, and summarize the prominent interaction structure in the COVID-19 press conferences of the Ministry of Health Malaysia. This study employs qualitative methods by downloading recordings from YouTube and conducting content analysis of the text. The study materials consist of recordings from the COVID-19 press conferences on April 24, 2020, June 10, 2020, July 1, 2020, October 24, 2020, and May 8, 2021, which were transcribed into written form using Jefferson's (2004) transcription symbols. Each utterance in this transcription is analyzed using the theoretical framework of Conversation Analysis by Liddicoat (2011) and the Interaction Structure Model by Asmah (2010). The findings of the study indicate that there are ten aspects of interaction structure in this press conference, namely opening sequences, introduction of participants, statement of purpose, question and answer, turn-taking, sequence expansion, adjacent pairs, overlap, correction, and closing of conversation. The turn-taking aspect is the most prominent in this press conference because turn-taking is the most basic unit in a conversation. The compliance of participants in this press conference shows that they understand the interaction structure that occurs

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 PENGENALAN

Kajian ini merupakan suatu kajian bidang analisis wacana yang meliputi aspek wacana perbualan. Bab ini membincangkan latar belakang COVID-19 dan sidang media sebagai platform digunakan oleh pihak kerajaan untuk menyalurkan maklumat kepada masyarakat. Aspek penting yang akan dibincangkan ialah mengenai struktur interaksi yang berlaku dalam sidang media COVID-19 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui rakaman di laman *Youtube*. Perbincangan yang berlaku ini melibatkan wakil daripada pihak KKM dan pihak wartawan daripada syarikat penerbitan yang berbeza, seperti Astro Awani, Berita Harian, RTM dan *New Straits Times*.

Bab ini juga membincangkan pernyataan masalah kajian yang berkaitan dengan kepatuhan pemeran mengenai struktur interaksi dalam sidang media ini. Perbincangan mengenai objektif kajian dan persoalan kajian yang menjadi hala tuju kajian juga akan dibincangkan dalam bab ini. Seterusnya pengkaji akan mengemukakan batasan kajian, kepentingan kajian dan definisi operasional kajian.

### 1.2 LATAR BELAKANG COVID-19

Tahun 2020 menyaksikan episod baru dalam sejarah perubatan dan kesihatan di dunia umumnya dan di Malaysia khususnya. Pada 31 Disember 2019, pihak berkuasa China telah melaporkan mengenai satu kejadian kluster radang paru-paru (*pneumonia*) yang tidak diketahui punca jangkitannya, melibatkan masyarakat setempat di Wuhan, China. Pihak berkuasa China juga telah melaporkan kepada WHO pada 5 Januari 2020 bahawa jangkitan tersebut bukanlah jangkitan *influenza*, *avian flu*, *adenovirus*, *Middle East Respiratory Syndrome coronavirus* (MERS-CoV) ataupun

*Severe Acute Respiratory Syndrome* (SARS). Pada 12 Januari 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengesahkan bahawa wabak yang berlaku di Wuhan, China ini adalah disebabkan oleh jangkitan daripada coronavirus baharu (Novel *Coronavirus*).

Wabak baharu ini dikenali sebagai Novel *Coronavirus* 2019 atau COVID-19 di Wuhan, China (Sajed & Amgain, 2020). COVID-19 merupakan salah satu keluarga virus yang memberikan pelbagai kesan penyakit seperti selesema, penyakit pernafasan yang lebih teruk serta boleh membawa kepada kematian (Rosmah Derak, Nor Ain & Arfah Ahmad, 2021). Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) telah mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik dan menegaskan bahawa penularan wabak ini semakin teruk dan membimbangkan.

Isu serangan virus COVID-19 di seluruh dunia menimbulkan kebimbangan dan kekalutan kepada seluruh penduduk dunia (Mohd Shahremy, 2020). Penyakit ini mudah berjangkit kerana SARS-CoV-2 (Novel *Coronavirus* 2019) berkait rapat dengan virus *Severe Acute Respiratory Syndrome* (SARS). COVID-19 ialah jangkitan pada saluran pernafasan dengan gejala demam, sakit tekak atau kesukaran bernafas (Noriha Basir, Ina Suryani dan Mohamad Zaki, 2020). Perkara ini memberikan impak kepada seluruh aspek kehidupan (Chakraborty dan Maity, 2020).

### **1.3 LATAR BELAKANG SIDANG MEDIA**

Menurut Gollust, Fowles dan Niederdeppe (2019) media memainkan peranan dalam membentuk masyarakat ke arah yang lebih moden. Namun begitu, Jacobs (1999) berpendapat bahawa sidang media sebagai satu platform untuk menyampaikan maklumat, sebelum kemunculan internet. Oleh itu, pihak wartawan akan memperoleh maklumat melalui sidang media yang berlangsung untuk disalurkan kepada masyarakat. Johnson dan Haythornthwaite (1989) melihat fungsi sidang media sebagai medium komunikasi antara pihak kerajaan dan masyarakat. Oleh itu, sidang media

yang berlangsung dapat mempengaruhi pendapat umum mengenai isu sensitif.

Pada tahun 1800-an *White House* terbentuk sebagai institusi kerajaan. Pihak wartawan ketika itu, menunggu di hadapan *White House* untuk mendapatkan berita terkini daripada Presiden serta wakil kerajaan yang lain. *The National Intelligencer* merupakan salah satu media yang akan melakukan liputan di *White House* untuk mendapatkan maklumat berkaitan kerajaan untuk disalurkan kepada masyarakat. Pada awalnya, wartawan ditugaskan untuk mendapatkan maklumat berkaitan Presiden tetapi berlaku perubahan apabila wartawan lebih berminat untuk mendapatkan berita yang sensasi bagi menarik lebih ramai pembaca.

Pada 15 Mac 1913, Woodrow Wilson, iaitu Presiden Amerika Syarikat mengadakan sidang media untuk pertama kalinya. Oleh itu, pada tahun 1920 sidang media dikenali sebagai sumber komunikasi yang utama antara Presiden dan rakyat. Perubahan bentuk sidang media dilaksanakan oleh Presiden Franklin D. Roosevelt pada tahun 1933 hingga 1945, iaitu dengan mengadakan sidang media dalam tempoh masa yang panjang dan berbentuk tidak formal. Beliau juga merupakan Presiden pertama yang menggunakan radio sebagai instrumen untuk mempromosikan program serta dasar beliau kepada rakyat. Selepas 19 Januari 1955, kerajaan membenarkan untuk menggunakan radio, televisyen dan surat khabar untuk merakamkan liputan setiap sidang media yang diadakan. Pada tahun 1963 sehingga 1969, Presiden Lyndon B. Johnson telah mengubah bentuk sidang media, iaitu dengan membenarkan pihak wartawan untuk mengajukan soalan kepada Presiden berkaitan perkara yang tidak jelas. Selain itu, pada tahun 2009, Presiden Barack Obama telah menetapkan keutamaan dasar untuk berhubung dengan rakyat melalui penggunaan platform media sosial yang semakin berkembang seperti *Facebook*, *Instagram* dan *Twitter*.

Walaupun perkembangan komunikasi semakin meningkat dengan adanya media sosial, sidang media kekal sebagai medium komunikasi antara Presiden dan

rakyat. Profesor Universiti Towson, Martha Kumar menyatakan bahawa sidang media merupakan platform untuk Presiden menetapkan kesahihan idea dan mendapatkan sokongan daripada rakyat (*The White House Historical Association*, 2022 <https://www.whitehousehistory.org/press-room/press-timelines/the-white-house-and-the-press-timeline>).

Perkembangan sidang media yang disiarkan melalui media elektronik mempengaruhi penyebaran maklumat terhadap dasar kesihatan awam. Tinjauan lain menunjukkan bahawa kepentingan sidang media dapat menyalurkan maklumat, serta kandungan yang lebih berkualiti tinggi. Perkara ini dapat menarik minat lebih ramai sasaran untuk menyaksikan sidang media dan dijadikan sebagai sumber utama bagi mendapatkan maklumat yang sahih (Viswanath et, al: 2008). Oleh itu, masyarakat akan menerima maklumat yang sahih dan berkualiti melalui sidang media yang disiarkan. Menurut Pengarah Kanan Komunikasi Kesihatan Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden Universiti Putra Malaysia, Dr. Tham Jen Shern menyatakan bahawa sidang media secara langsung merupakan bukti kerajaan telus terhadap kebebasan media untuk kepentingan rakyat (*BERNAMA*, 2020 Mei 5).

### **1.3.1 Latar Belakang Sidang Media COVID-19 KKM**

Kesan pandemik COVID-19 ini menunjukkan keperluan untuk mengukuhkan komunikasi dalam sistem kesihatan negara (Sanchez, Guibarra dan Zamora, 2021). Peningkatan kes COVID-19 menyebabkan pihak kerajaan memilih sidang media sebagai platform utama bagi menyampaikan maklumat kepada rakyat Malaysia. Oleh itu, pengetahuan dalam membendung penyebaran COVID-19 sangat penting kepada masyarakat untuk mengurangkan risiko jangkitan virus.

Zulkiflee & Wafiqah Asnola, 2022). Menurut Saliva et al (2019) menyatakan bahawa penyampaian maklumat penting untuk memaklumkan mengenai risiko yang

sedang berlaku berkaitan sistem kesihatan negara kepada masyarakat. Namun begitu, sidang media bukan sahaja menjadi platform bagi KKM untuk berkongsi maklumat terkini berkaitan COVID-19, malah perkara ini menjadi platform juga bagi kementerian-kementerian lain untuk menyebarkan maklumat dalam membendung penularan wabak COVID-19 (Mohamad Elmy dan Exzayarani, 2020). Pendekatan yang digunakan oleh pihak kerajaan ini adalah untuk memastikan rakyat menerima maklumat yang disampaikan melalui saluran yang tepat bagi mengelakkan daripada penyebaran maklumat tidak sah.

Sidang media COVID-19 KKM merupakan data kajian yang menarik untuk dikaji kerana terdapat aspek struktur interaksi di dalamnya. Sidang media ini dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia serta menjadi sebuah platform penyampaian maklumat dan sumber informasi masyarakat untuk mendapatkan status terkini jangkitan COVID-19. Melalui sidang media ini, Ketua Pengarah Kesihatan bertanggungjawab memberikan informasi mengenai COVID-19 di Malaysia. Berita yang disampaikan merupakan bahan penyiaran yang penting dan menjadi tumpuan apabila berlaku peristiwa yang menggemparkan (Anis Shahirah & Puteri Roslina, 2015). Pada masa yang sama, terdapat sesi tanya jawab antara Tan Sri Dr. Noor Hisham dan pihak wartawan. Pihak wartawan berperanan mengendalikan, mengutarakan dan mengajukan soalan bagi mendapatkan maklumat serta mengupas mengenai isu semasa COVID-19 di Malaysia. Manakala Tan Sri Dr. Noor Hisham berperanan sebagai pemeran yang akan menjawab setiap soalan yang diutarakan oleh pihak wartawan. Pemeran boleh terdiri daripada satu orang, dua orang atau lebih. Hal ini demikian kerana pemeran mempunyai dua peranan khusus, sama ada sebagai orang yang bertanya atau orang yang menjawab (Asmah, 2010). Hal ini demikian kerana Tan Sri Dr. Noor Hisham merupakan individu yang mempunyai pengetahuan serta pengalaman untuk mengendalikan isu berkaitan kesihatan.

### **1.3.2 Latar belakang pemeran kajian**

Berdasarkan sidang media COVID-19 KKM, pemeran yang terlibat adalah terdiri daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang diwakili oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah. Beliau berperanan sebagai individu yang akan menyalurkan maklumat berkaitan perkembangan semasa COVID-19 KKM kepada masyarakat.

Selain itu, pihak media juga terlibat dalam sidang media. Antara media yang terlibat ialah RTM, Astro Awani, Berita Harian dan *New Straits Times*. Media berperanan untuk menyiarkan sidang media ini secara langsung di televisyen bagi memudahkan masyarakat untuk menontonnya. Selain itu, pihak wartawan ini juga diberikan peluang untuk mengajukan soalan kepada Tan Sri Dr. Noor Hisham untuk mendapatkan penjelasan mengenai isu semasa berkaitan COVID-19.

Oleh itu, melalui sidang media ini, jelas menunjukkan bahawa setiap penutur yang terlibat memainkan peranan mereka masing-masing bagi menyalurkan maklumat berkaitan COVID-19.

### **1.3.3 Rakaman Sidang Media COVID-19**

Sidang media COVID-19 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) diadakan pertama kalinya pada 16 Januari 2020 dan diketuai oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, iaitu Tan Sri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah. Tujuan sidang media ini diadakan adalah untuk melaporkan mengenai penularan wabak COVID-19 yang berlaku di Malaysia. Sidang media ini diadakan setiap hari, iaitu pada jam 5 petang (*Berita Harian Online*, 2020 Februari 10).

Sidang media COVID-19 disalurkan secara langsung melalui siaran televisyen seperti RTM, TV2, TV3 dan Astro Awani. Namun begitu, perkembangan teknologi masa kini secara tidak langsung berupaya mempengaruhi masyarakat untuk menonton

sidang media COVID-19 melalui media sosial seperti *Youtube*, *Facebook* dan *Twitter*. Maka, masyarakat akan lebih mudah untuk mengakses rakaman sidang media COVID-19 KKM melalui platform media sosial yang telah disediakan. Hal ini demikian kerana, waktu sidang media ini berlangsung adalah ketika masyarakat terikat dengan kerja hakiki masing-masing. Oleh itu, kebanyakan masyarakat memilih untuk menonton rakaman sidang media di saluran *Youtube* Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Berdasarkan rakaman sidang media yang telah di muat turun di saluran *Youtube*, masyarakat dapat mengakses rakaman tersebut serta memudahkan untuk mereka menonton pada bila-bila masa sahaja. Berikut merupakan statistik yang menunjukkan bahawa masyarakat di Malaysia memilih untuk menonton di *Youtube* berbanding dengan di televisyen.

Sidang media COVID-19 KKM ini melibatkan dua sesi. Sesi pertama ialah pihak kerajaan diwakili oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham (TSDNH) akan memberikan maklumat berkaitan COVID-19. Sesi kedua pula melibatkan proses tanya jawab antara pemeran iaitu pihak kerajaan dan pihak wartawan. Pihak wartawan berperanan mengendalikan, mengutarakan soalan dan mendapatkan maklumat melalui soalan yang diajukan. Pihak kerajaan pula bertindak sebagai pihak yang menjawab dan menjelaskan soalan yang diajukan oleh pihak wartawan. Melalui sesi tanya jawab dalam sidang media, wujud interaksi antara kedua-dua pemeran. Oleh itu, setiap maklumat yang disalurkan oleh pihak kerajaan dan pihak wartawan jelas menunjukkan bahawa maklumat tersebut memberikan impak kepada masyarakat. Hal ini dapat dikaitkan dengan kepercayaan masyarakat kepada maklumat yang disalurkan oleh pihak kerajaan yang lebih tepat dan sah. Interaksi yang berlaku menunjukkan bahawa ada hubungan antara pihak KKM dan pihak media adalah signifikan kerana kedua-duanya bekerjasama untuk mengemas kini situasi semasa dan

langkah-langkah yang perlu dilaksanakan oleh masyarakat (Iorgulescu & Marcu, 2017).

Oleh itu, kajian ini akan memperlihatkan mengenai aspek struktur interaksi yang berlaku dalam sidang media COVID-19 KKM.

#### **1.4 KONSEP WACANA**

Pengertian kata *discourse* asalnya digunakan untuk merujuk kepada perdebatan ahli-ahli falsafah dan lebih menggambarkan perkara yang berlaku dalam tradisi peradaban Rom-Yunani pada zaman sebelum Masihi. Perdebatan tersebut mengemukakan dan menghuraikan aspek-aspek dalam kehidupan manusia seperti pemerintahan, kepercayaan keluarga, alam semesta, puisi, bahasa dan sebagainya. Melalui perdebatan tersebut, terdapat huraian serta hujah yang disebut *discourse* dan diterjemahkan sebagai 'wacana'. *Discourse* merujuk kepada perbincangan yang serius atau yang bersifat intelektual mengenai satu-satu tajuk (Asmah, 2020).

Istilah 'wacana' merupakan padanan istilah *discourse* bagi bahasa Inggeris, *discours* dalam bahasa Perancis, *al-makalah* bagi bahasa Arab atau *tamhwa* dalam bahasa Korea (Idris, 2020) dan perkataan *discourse* berasal dari bahasa Latin, yang dikenali sebagai *discurrere* (Wodak, 1996). Wacana boleh dibahagikan kepada empat bahagian. Pertama, wacana adalah satu unit yang melebihi batas ayat. Kedua, wacana adalah satu penggunaan bahasa. Ketiga, wacana merupakan satu ujaran dan keempat, wacana adalah satu teks (Roslina, 2004)

Wacana terbahagi kepada dua, iaitu wacana bertulis dan wacana lisan. Istilah wacana digambarkan melalui semua bentuk wacana lisan dan tulisan. Istilah yang sesuai digunakan untuk menggambarkan bahasa pertuturan ialah ujaran manakala ayat menggambarkan bahasa penulisan. Perkara ini dinyatakan oleh Brown dan Yule (1983).

*“... we can say, in a fairly non-technical way, that utterances are spoken and sentences are written...”*

Berdasarkan pernyataan yang disampaikan oleh Brown dan Yule (1983) menunjukkan bahwa ujaran disampaikan dengan lisan dan ayat dihasilkan secara bertulis. Oleh itu, wacana lisan merupakan perbualan yang berlaku secara tidak terancang seperti perbualan yang berlaku spontan. Kebiasaannya, perbualan yang tidak terancang ini berlaku tanpa berpandukan skrip atau berpandukan skrip tetapi tidak terikat kepada skrip seratus peratus. Melalui wacana tidak terancang ini berkemungkinan penutur akan melakukan kesilapan dari segi aspek nahu dan tatabahasa. Wacana terancang pula adalah teks yang ditulis dengan sempurna dari segi ejaan dan nahu kerana telah disemak dan diperbetulkan sebelum diterbitkan (Roslina, 2004).

Wacana lisan merupakan wacana yang disampaikan secara lisan dan penyampaiannya dalam bentuk pertuturan (Tarigan, 1995). Berdasarkan wacana lisan ini, penyampaian yang disampaikan jelas, terang, sebutan yang betul dengan menggunakan intonasi serta gaya yang betul. Wacana lisan sangat produktif dan asas dalam kehidupan manusia. Misalnya, di dalam bilik darjah, kuliah, seminar, khutbah, ceramah, syarahan, perbincangan, perbualan di kafe, di rumah, manusia akan berwacana secara lisan dan menonjol (Idris, 2020). Selain itu, menurut Idris (2020) juga bahawa wacana lisan ini boleh dilestarikan berperantarakan alat sebaran, seperti televisyen, radio, kaset, mel suara dan lain-lain melalui perakaman suara atau visual. Wacana lisan ini melibatkan pemeran, iaitu penutur dan pendengar bagi memahami wacana lisan tersebut.

Menurut Tarigan (1995) wacana yang disampaikan secara bertulis mementingkan aspek kebahasaan, penggunaan tatabahasa yang betul seperti struktur ayat, perbendaharaan kata, ejaan, imbuhan dan sebagainya. Wacana tulisan ialah

wacana yang disampaikan oleh pemeran secara bertulis. Oleh itu, wacana bertulis ini juga dikenali sebagai wacana terancang kerana ditulis dengan mematuhi aspek nahu dan tatabahasa. Untuk memahami wacana bertulis, pemeran perlu membacanya terlebih dahulu kerana wacana tulisan tidak memerlukan hubungan bersemuka secara langsung dengan pembaca (Idris, 2020).

#### **1.4.1 Unit yang melebihi batas ayat**

Wacana adalah unit bahasa yang melebihi batas ayat, klausa dari segi strukturnya (Stubbs, 1989; Crystal, 1985 dan Asmah, 1980, 11). Unit bahasa yang lain terdiri daripada fonologi, kata, sintaksis dan ayat. Wacana merupakan hasil daripada kesulitan menginterpretasikan makna dalam unit bahasa pada peringkat sintaksis dan ayat (Roslina, 2004). Wacana ini juga mengkaji unit linguistik yang lebih besar seperti pertukaran perbualan atau teks bertulis (Stubbs, 1983).

Ini menunjukkan bahawa istilah wacana lebih luas, bukan sahaja pada kajian sistem bahasa, malah dilanjutkan untuk memahami perkara lain seperti kemanusiaan dan kemasyarakatan (Idris, 2020). Menurut Brown dan Yule (1989) wacana merupakan istilah teknikal yang merujuk kepada perbualan dalam lakuan komunikasi. Hal ini demikian kerana wacana bukanlah semata-mata unit bahasa seperti ayat atau klausa dari segi struktur nahuan dan wacana tidak dapat diterangkan berdasarkan saiznya.

#### **1.4.2 Penggunaan bahasa**

Brown dan Yule (1983) mendefinisikan wacana sebagai penggunaan bahasa. Wacana juga merupakan satuan bahasa dengan keteraturan fikiran dan tetenunan yang berkesinambungan serta mempunyai awal dan akhir untuk disampaikan secara lisan mahupun tulisan (Faslod, 1990).

Wacana adalah satuan bahasa yang lengkap dan diujarkan oleh penutur yang

mempunyai nilai interaksi. Wacana bertujuan untuk menyatakan sesuatu, berkomunikasi untuk memberikan maklumat dan membincangkan sesuatu perkara seperti mana yang dijelaskan oleh Halasz (1987) seperti berikut:

*Discourse means speech, talk, conversation, lecture, sermon, treatise. so discourse is to say things, speak to give information, discuss something, talk or address given in public, talk to an audience for the purpose of teaching, adress on moral subject and so on.*

Halasz (1987)

Analisis wacana tidak terbatas pada unsur-unsur yang membentuk ayat dari segi tatabahasa sahaja, tetapi juga dilihat dari sudut penggunaan ayat. Perkara ini juga dinyatakan oleh McCarthy (1991), iaitu analisis wacana merupakan kajian yang menghubungkan antara bahasa dan konteks.

*Discourse analysis is concerned with the study of relationship between language and the contexts in which it is used.*

(McCarthy, 1991)

Berdasarkan kenyataan yang dinyatakan oleh McCarthy (1991) menunjukkan bahawa analisis wacana ini mempunyai hubungan antara bahasa dan konteks. Hal ini demikian kerana, setiap perkara yang diujarkan oleh penutur melalui penggunaan bahasa dan mempunyai konteks yang tersendiri. Oleh itu, penyampaian yang disampaikan oleh penutur mempunyai makna yang tersurat dan tersirat.

### **1.4.3 Ujaran**

Wacana mementingkan konteks penggunaan dan latar sosial pengguna bagi memerikan tatabahasa sesuatu bahasa (Ismail Salleh, 1993). Wacana juga difahami sebagai ujaran yang berterusan (Carlson, 1983). Menurut Sato (1991), dalam ujaran yang sebenarnya, sesuatu ayat diungkapkan sama ada dalam bentuk tulisan atau lisan.

Menurut Schiffrin (1994) penggunaan bahasa terhasil daripada ayat-ayat atau ujaran yang berkonteks. Oleh itu, pentafsiran terhadap makna haruslah dilihat dari segi

keseluruhan wacana, sosial, budaya serta pelbagai aspek luaran (Roslina, 2004). Melalui perkara inilah yang dinyatakan konsep wacana yang ketiga, iaitu ujaran atau tulisan terdiri daripada ayat-ayat yang berkonteks. Oleh itu, apabila perbualan antara penutur saling tidak memahami antara satu sama lain, maka itu bukanlah satu ujaran mahupun wacana.

#### 1.4.4 Teks

Menurut Van Dijk (1977) istilah teks merujuk kepada satu binaan teoretis yang diwujudkan dalam wacana. Asmah (1980) juga menyatakan bahawa wacana boleh terdiri daripada ayat, sejumlah ayat, ceraiian, bab, buku, siri buku atau sebagainya yang memperlihatkan kesatuan dan hubungan antara butir-butiran fikiran dan juga perkembangan khabar, berita, mesej, pendapat atau maklumat kepada pendengar akaliah yang ada di dalamnya.

Halliday dan Hassan (1980) membandingkan istilah wacana dengan teks. Teks boleh berupa sebarang bentuk tulisan atau lisan yang pendek atau panjang dalam penggunaan sesuatu bahasa. Menurut Halliday dan Hassan (1980) adalah seperti berikut:

*A text may be spoken or written, prose or verse,  
a dialogue or monologue.*

*It may be anything from a single proverb to  
whole play, from a momentary cry to help to  
an all-day discussion on a committee.*

(Halliday dan Hassan, 1980)

Berdasarkan pernyataan oleh Halliday dan Hassan (1980) menunjukkan bahawa teks boleh diucapkan atau ditulis, prosa atau ayat, dialog atau monolog. Teks juga boleh berupa satu satuan yang pendek seperti peribahasa atau satu satuan yang panjang seperti perbincangan.

Menurut Roslina (2004) perbualan yang dirakam, diberikan transkripsi dan

simbol merupakan teks. Teks merupakan ayat-ayat yang mempunyai kaitan antara satu sama lain serta mempunyai makna yang tersendiri. Perkara ini disokong oleh kenyataan yang dinyatakan oleh Schiffirin (1994) bahawa teks merupakan maklumat yang mempunyai makna serta mesej manakala konteks memberikan pelbagai maklumat selain daripada makna perkataan. Ini jelas menunjukkan bahawa teks merupakan aspek penting yang terdapat dalam wacana.

### **1.5 ANALISIS WACANA**

Sidang media pula merupakan satu bentuk wacana lisan. Hal ini demikian kerana sidang media melibatkan pemeran yang berkomunikasi antara satu sama lain untuk menyalurkan maklumat kepada masyarakat. Melalui sidang media, wujud perbualan antara pihak kerajaan dengan pihak wartawan. Perbualan merupakan peristiwa bahasa melibatkan dua penutur atau lebih penutur yang bertujuan untuk menyampaikan maklumat, tanya jawab, mendapatkan persetujuan, menafikan dan mencungkil maklumat. Ia merupakan satu proses berstruktur di mana setiap pemeran akan saling bersoal jawab bagi mencapai matlamat interaksi tersebut. Proses yang berlaku dalam interaksi sama ada dirancang atau tidak dirancang akan mewujudkan struktur interaksi (Amirah, 2015). Struktur interaksi mempunyai turutan yang tersendiri bagi membantu menyampaikan maklumat supaya lebih teratur dan bersistem.

Penggunaan bahasa melalui perbualan dalam suatu peristiwa bahasa secara tidak langsung dapat menggambarkan tindakan pemeran. Kemahiran berbahasa yang baik dapat menghasilkan soalan dan jawapan yang berkualiti. Perkara ini memperlihatkan bahawa bahasa memainkan peranan terutamanya semasa perbualan berlaku. Peranan bahasa memperlihatkan kepentingannya dalam masyarakat iaitu bahasa sebagai alat komunikasi, alat untuk menyatakan fikiran, bahasa sebagai kegiatan yang bermakna, dan sistem lambang yang dihasilkan oleh manusia (Asmah,

2011).

Menurut Johnstone (2018), kajian wacana menjurus kepada struktur atau peraturan lakuan komunikasi yang berlaku dalam kehidupan seharian. Wacana melibatkan penutur dan pendengar (wacana lisan) dan penulis dengan pembaca (wacana tulisan). Kajian analisis wacana boleh dibahagikan kepada dua bentuk. Pertama, wacana secara tulisan yang terdapat dalam bentuk teks. Kedua, ialah wacana secara lisan yang terdapat dalam bentuk perbualan. Normaliza (2019: 1) menyatakan bahawa wacana digunakan untuk mengkaji unit linguistik yang lebih besar misalnya perbualan atau teks bertulis. Hal ini menunjukkan bahawa perbualan merupakan salah satu subbidang analisis wacana yang boleh dikaji dari pelbagai aspek linguistik.

Oleh hal yang demikian kajian ini akan meneliti struktur interaksi yang dapat dijelaskan sebagai satu unit bahasa yang melebihi batas ayat di mana ia boleh terdiri daripada ayat dan ujaran yang berkonteks. Hal ini menunjukkan bahawa wujud turutan fikiran dari segi penyampaian maklumat. Berdasarkan analisis perbualan pula, bagaimana sesuatu perbualan itu bermula, berkembang dan berakhir dapat dilihat. Kecekapan dan pengetahuan penutur mempengaruhi kelakuan dan interpretasi kelakuan penutur lain dalam perbualan (Heritage, 1992). Oleh hal yang demikian, ia akan menjadikan perbualan yang wujud dalam sidang media lebih mudah difahami dan penyampaian maklumat dilakukan dengan lebih berkesan.

Sidang media yang berlangsung dengan baik menunjukkan bahawa wujudnya sistem organisasi dalam peraturan perbualan (Sacks, Schegloff dan Jefferson, 1974). Melalui sidang media juga, wujud struktur interaksi antara pihak kerajaan dengan pihak wartawan.

## 1.6 PERNYATAAN MASALAH

Dewasa ini, masyarakat seharusnya didedahkan mengenai aspek struktur interaksi untuk memastikan maklumat yang disampaikan jelas dan difahami oleh pemeran semasa proses perbualan berlaku. Oleh itu, kefahaman pemeran mengenai aspek ini dapat dipraktikkan dalam kehidupan harian mereka.

Isu berkaitan sidang media COVID-19 di luar negara kebiasaannya dilihat dari sudut kewartawanan, kesihatan, agenda politik dan sebagainya. Kajian yang dijalankan oleh Sanchez, Guibarra dan Zamora (2021) berkaitan sidang media

COVID-19 di Mexico memfokuskan kepada media dalam sidang media iaitu, melalui soalan yang diajukan oleh pihak wartawan. Oleh itu, kajian yang dilakukan ini hanya melihat kepada hubungan yang berlaku antara pihak kerajaan dan pihak wartawan bagi mendapatkan maklumat berkaitan COVID-19 (Bernadas & Llagan, 2020). Perkara ini dilihat berbeza dengan pengkaji di Malaysia yang memfokuskan kepada kajian mengenai daya ujaran dalam perutusan wacana Perdana Menteri (Tengku Shahrolnizam & Rohaidah Harun, 2021), kesejajaran kesantunan bahasa dalam perutusan rangsangan ekonomi prihatin (Sara Beden, 2020) dan COVID-19 dalam korpus peristilahan bahasa Melayu (Junaini Kasdan, Rusmadi Baharuddin & Anis Shahira, 2020). Kajian yang dijalankan oleh pengkaji tempatan memfokuskan kepada aspek bahasa berkaitan COVID-19 tetapi tidak memfokuskan kepada aspek struktur interaksi. Oleh itu, pengkaji akan meneliti kepada struktur interaksi yang berlaku dalam sidang media COVID-19 KKM.

Kajian berkaitan perbualan yang tidak terancang dilihat menarik minat ramai pengkaji yang melakukan kajian (Sacks, Schgeloff dan Jefferson, 1974; Button dan Lee, 1987; Ten Have, 2007: 10). Hasil daripada kajian lepas, pengkaji mendapati kajian-kajian ini menjurus kepada bual bicara di televisyen walaupun dalam genre yang

berbeza. Kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini juga dilihat dari sudut budaya di barat dan berbeza dengan budaya masyarakat di Malaysia. Hal ini demikian kerana, kajian berkaitan perbualan ini merupakan kajian yang baru berkembang di Malaysia pada akhir tahun 1990an (Roslina Mamat, 2004). Bertitik tolak daripada perkara ini, pengkaji ingin melihat sejauh mana wujudnya struktur interaksi dalam sidang media di Malaysia. Kefahaman penutur terhadap aspek struktur interaksi ini juga dilihat sangat penting agar sidang media yang berlangsung difahami dengan baik oleh masyarakat bagi memastikan kelancaran dan keteraturan sesebuah sidang media.

Oleh itu, dengan adanya kajian mengenai struktur interaksi sidang media COVID-19 ini dapat memberikan gambaran bahawa pentingnya wacana perbualan.

Pada dasarnya, perbualan adalah tidak berstruktur dan tersusun. Ia sejajar dengan pandangan Wooffitt (2005) yang mengatakan bahawa perbualan merupakan sesuatu yang tidak tersusun, tidak terancang dan tidak ada peraturan. Bertitik tolak daripada masalah tersebut, timbul masalah untuk memahami struktur dalam perbualan. Hakikatnya, untuk memahami proses struktur perbualan bukanlah satu perkara yang mudah untuk difahami. Namun begitu, struktur perbualan mempunyai kesinambungan berdasarkan konteks situasi perbualan tersebut. Ini kerana melalui kajian Nur Amirah (2015) dan Azean Idruwani (2018) mendapati perbualan berlaku secara semula jadi walaupun tanpa dirancang dan tidak berpandukan skrip, tetapi struktur perbualan masih dipatuhi oleh pemeran. Jika diteliti keberkesanan sesuatu wacana bergantung pada sejauh mana aspek-aspek struktur interaksi yang disusun oleh pemeran tersebut. Hal ini demikian kerana struktur interaksi merupakan aspek yang penting untuk dianalisis kerana dapat memberikan gambaran yang lebih luas mengenai kepentingan aspek tersebut (Hutchby, 2005). Oleh itu, pengkaji menjalankan kajian terhadap struktur interaksi bagi mendapatkan kepastian sama ada wujud perbualan berstruktur atau tidak berstruktur dalam sidang media COVID-19 KKM.

Sacks, Schegloff & Jefferson (1974) menyatakan bahawa wujud satu sistem organisasi dalam peraturan perbualan. Namun, struktur perbualan bukanlah sesuatu proses yang mudah kerana perbualan turut diikuti dengan peraturan-peraturan sosial yang memaparkan salah satu kelompok masyarakat (Rohadiah et al, 2017). Melalui penemuan Matheson (2005) di Barat menunjukkan bahawa sesiapa sahaja mempunyai hak untuk bercakap, menyatakan perkara yang dibincangkan dan cara perbualan berlaku. Ini sejajar dengan pandangan Matheson (2005) yang menyatakan:

*Conversation analysis suggests that interaction through talk-whether conversation or interview or some other speech event - requires a complex set of such agreements between the participants, about who can speak, what can be said and how the talk should be taken.*

(Matheson, 2005)

Melalui pernyataan Matheson (2005) menunjukkan bahawa setiap pemeran yang terlibat semasa interaksi mempunyai hak untuk terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Namun begitu, kajian beliau membuktikan bahawa pihak kerajaan dan pihak wartawan tidak memahami dan tidak mematuhi struktur interaksi, iaitu pengambilan giliran dan pasangan bersebelahan. Perkara ini berlaku disebabkan oleh hanya satu pihak sahaja, iaitu pihak wartawan yang menguasai temu bual dengan mengajukan soalan yang sama sebanyak 13 kali. Ini mencerminkan bahawa tiada hubungan yang baik antara pihak kerajaan dan pihak wartawan (Clayman, 2013). Oleh itu, berdasarkan dapatan Matheson (2005) timbul persoalan terhadap proses perbualan yang berlaku dalam sidang media, iaitu sama ada wujudnya perbualan yang berstruktur atau tidak berstruktur.

Selanjutnya, perbualan yang diujarkan dalam sidang media memfokuskan kepada perbualan lisan oleh pemeran. Roslina Mamat (2004) menyatakan bahawa komunikasi lisan adalah sukar untuk mengetahui masa yang sesuai bagi mengambil giliran. Namun begitu, ketidakpatuhan pemeran terhadap aspek struktur interaksi akan

mengakibatkan proses penyampaian maklumat tidak dapat dijalankan dengan teratur. Apabila hanya satu pihak sahaja yang menguasai perbualan ia akan menyebabkan wujud celahan dan pertindihan. Hal ini demikian kerana celahan seringkali dilihat sebagai percubaan untuk merampas hak giliran daripada penutur semasa. Celahan yang berlaku menyebabkan pertindihan ujaran sebelum penutur semasa selesai atau penutur semasa baru memulakan ujaran (West dan Zimmerman, 1975).

West dan Zimmerman (1975) berpendapat bahawa pertindihan ujaran adalah:

*instances of simultaneous speech where a speaker other than the current speaker begins to speak at or very close to a possible transition place in a current speakers utterance i.e., within the boundaries of last word.*

Ini menunjukkan bahawa pertindihan berlaku apabila kedua-dua penutur bercakap serentak dalam satu masa yang sama dan penutur semasa berada pada tempat peralihan ujaran. Kedua-dua penutur berkemungkinan beranggapan bahawa tidak ada penutur yang akan mengambil giliran seterusnya. Aspek celahan dan pertindihan yang berlaku akan menyebabkan maklumat yang disampaikan kabur kerana kedua-dua penutur bertindak untuk mengambil giliran dalam masa yang sama (Ohara dan Saft, 2003). Namun begitu, aspek celahan dan pertindihan ini, pengkaji akan mengenal pasti sama ada aspek ini bersifat gangguan atau membantu penutur semasa untuk memberikan ujaran. Hal ini demikian kerana, berkemungkinan celahan dan pertindihan yang berlaku disebabkan oleh faktor lain. Oleh itu, perkara ini akan diteliti oleh pengkaji dengan lebih mendalam dalam kajian ini.

Antara persoalan yang sering timbul dalam perbualan ialah jika terdapat penutur yang tersilap memberikan maklum balas, pertanyaan dan sebagainya (Roslina Mamat, 2004). Apabila berlaku permasalahan semasa perbualan sedang berlangsung,

penutur seharusnya bertindak untuk menangani masalah tersebut atau sebaliknya. Perkara ini dapat dilihat apabila berlaku celahan dan pertindihan antara penutur ketika menyampaikan maklumat kepada pendengar berkemungkinan dianggap tidak sopan dan tidak menghormati hak penutur lain. Oleh itu, penutur seharusnya memahami aspek struktur interaksi agar perbualan berjalan dengan lancar dan bertujuan untuk memahami antara satu sama lain. Berdasarkan pernyataan masalah yang dikemukakan maka kajian pengkaji akan meneliti struktur interaksi dalam sidang media COVID-19 KKM dengan menetapkan tiga objektif seperti di bawah.

### **1.7 OBJEKTIF KAJIAN**

Tujuan kajian akan dicapai berpandukan objektif-objektif kajian seperti berikut:

- i. mengenal pasti struktur interaksi dalam sidang media COVID- 19 Kementerian Kesihatan Malaysia.
- ii. menjelaskan struktur interaksi dalam sidang media berdasarkan teori Analisis Perbualan oleh Liddicoat (2011) dan Model Struktur Interaksi oleh Asmah (2010)
- iii. merumuskan aspek struktur interaksi yang menonjol dalam sidang media berdasarkan teori Analisis Perbualan oleh Liddicoat (2011) dan Model Struktur Interaksi oleh Asmah (2010)

### **1.8 PERSOALAN KAJIAN**

Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Apakah struktur interaksi dalam sidang media COVID-19 Kementerian Kesihatan Malaysia?
- ii. Bagaimanakah struktur interaksi dipatuhi oleh pemeran berdasarkan teori Analisis Perbualan oleh Liddicoat (2011) dan Model Struktur Interaksi oleh Asmah (2010)?

- iii. Apakah aspek struktur interaksi yang menonjol dalam sidang media COVID-19 Kementerian Kesihatan Malaysia teori Analisis Perbualan oleh Liddicoat (2011) dan Model Struktur Interaksi oleh Asmah (2010)?

## **1.9 BATASAN KAJIAN**

Kajian ini memfokuskan kepada struktur interaksi dalam sidang media COVID-19 KKM. Kajian ini akan dibataskan kepada rakaman sidang media COVID-19 KKM pada tahun 2020 dan 2021. Bahan kajian yang dipilih merupakan lima sidang media COVID-19 KKM, iaitu sidang media pada 17 April 2020, 10 Jun 2020, 1 Julai 2020, 24 Oktober 2020 dan 8 Mei 2021. Melalui pemilihan sidang media yang berbeza, pengkaji dapat meneliti struktur interaksi sidang media COVID-19 KKM untuk mencapai objektif yang telah dikemukakan.

Rakaman sidang media COVID-19 KKM ini diperoleh daripada saluran *Youtube* Kementerian Kesihatan Malaysia. Walaupun terdapat saluran lain yang turut memuat naik rakaman sidang media seperti RTM, Astro Awani, TV3 dan sebagainya tetapi pengkaji hanya memfokuskan kepada satu saluran sahaja untuk mendapatkan data. Berdasarkan rakaman sidang media COVID-19 KKM ini terdiri daripada aspek struktur interaksi yang akan dianalisis secara mendalam melalui pendekatan Analisis Perbualan Liddicoat (2011) dan Model Struktur Interaksi Asmah (2010).

Melalui rakaman ini, penghasilan transkripsi sidang media akan dihasilkan untuk diteliti dan ia merupakan data kajian ini. Penghasilan transkripsi memfokuskan kepada sesi tanya jawab antara Tan Sri Dr. Noor Hisham dan pihak wartawan sahaja bagi melihat struktur interaksi yang terdapat dalam sidang media.

Dari sudut kajian, kajian ini hanya memfokuskan kepada aspek struktur interaksi, iaitu pembuka turutan, pengenalan pemeran, pernyataan tujuan, tanya jawab,

pengambilan giliran, pasangan bersebelahan, pembetulan, celahan, pertindihan dan penutup perbualan. Oleh itu, pengkaji membataskan kajian kepada aspek struktur interaksi sahaja untuk dikaji.

## **1.10 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini akan menjelaskan mengenai wacana perbualan dalam sidang media COVID-19 KKM. Secara tidak langsung, ia dapat memberi sumbangan kepada bidang analisis wacana, iaitu struktur interaksi.

### **1.10.1 Perkembangan ilmu**

Kajian dalam bidang wacana dianggap lebih menarik perhatian kerana setiap perbualan yang berlaku mengandungi struktur interaksi. Oleh itu, pemeran dapat memahami dengan lebih mendalam aspek struktur interaksi yang berlaku semasa sidang media berlangsung. Kajian sebegini juga dapat memberikan panduan kepada pihak kerajaan, pihak media dan masyarakat supaya lebih memberikan perhatian terhadap struktur interaksi yang berlaku dalam sidang media. Keberkesanan penyampaian maklumat bergantung kepada kepatuhan pemeran terhadap struktur interaksi yang berlaku dalam sesebuah perbualan. Oleh itu, aspek struktur interaksi amat berguna bagi memastikan kelancaran dan keteraturan ujaran semasa sidang media berlangsung. Kesannya, kandungan maklumat yang disampaikan oleh penutur dapat difahami dengan jelas oleh pendengar.

### **1.10.2 Organisasi**

Selain itu, kajian ini mengetengahkan sidang media sebagai bahan untuk menganalisis kajian ini. Hal ini demikian kerana, terdapat kajian yang dijalankan oleh pengkaji tempatan berkaitan struktur interaksi tetapi menjurus kepada program pengacaraan, iaitu kajian daripada Azean Idruwani (2018). Oleh itu, kepentingan kajian ini menyumbang kepada kajian struktur interaksi pada platform yang berbeza, iaitu sidang media. Melalui kajian sebegini jelas menunjukkan bahawa walaupun

sidang media ini terdapat teks ucapan sebagai bahan rujukan, tetapi masih tergolong dalam perbualan yang tidak terancang. Kajian seperti ini dapat memperlihatkan penyampaian penutur memberikan maklumat kepada masyarakat walaupun tidak menggunakan teks tersebut sepenuhnya. Hal ini demikian kerana sidang media mempunyai tatacara yang tersendiri dan maklumat juga disampaikan berdasarkan fakta. Oleh itu, penyampaian maklumat berdasarkan medium yang berbeza dapat menunjukkan kelainan yang berlaku semasa sidang media berlangsung.

### **1.10.3 Pengamal**

Dengan menjalankan kajian mengenai struktur interaksi juga dilihat dalam konteks bahasa lisan yang digunakan. Menurut Arina Johari dan Indirawati Zahid (2016: 150) pemeran akan sentiasa berusaha untuk menjadikan ujaran mereka mudah difahami serta mempunyai pertalian dengan konteks supaya dilihat sebagai hanya menuturkan sesuatu yang berkaitan dan diperlukan sahaja. Ini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa yang mematuhi aspek tatabahasa dapat membantu untuk memastikan penyampaian yang jelas dan tepat. Perkara ini juga dinyatakan oleh Clift (2016: 4) bahawa implikasi untuk interaksi ini merentas bahasa dan dilihat dari struktur interaksi tersebut. Oleh itu, bahasa dan struktur interaksi ini memainkan peranan yang penting dalam proses penyampaian maklumat.

*The implications for interaction across languages of diverse structures, whether left- or right-branching, are profound.*

(Clift, 2016)

Kajian ini dijalankan untuk meneliti dengan lebih mendalam berkaitan kepatuhan pemeran terhadap aspek struktur interaksi sepanjang sidang media ini berlangsung. Hal ini demikian kerana, dalam sidang media ini bukan sahaja memfokuskan kepada isi perbualan yang disampaikan tetapi juga dilihat dari segi aspek struktur interaksi. Oleh itu, apabila penutur patuh kepada aspek struktur interaksi

ini, maka sidang media yang berlangsung berjalan dengan lancar dan membantu penutur mendapatkan maklumat yang lebih jelas dan teratur. Perkara ini dapat merujuk kepada pernyataan yang dinyatakan oleh Goffman (1964: 65) mengenai sistem perbualan.

*Talk is socially organized, not merely in terms of who speaks to whom in what language, but as a little system of mutually ratified and ritually governed face-to-face action, a social encounter.*

(Goffman, 1964)

Berdasarkan pernyataan yang disampaikan oleh Goffman (1964) jelas menunjukkan bahawa perbualan bukan sahaja dilihat dari sudut siapa yang memulakan perbualan atau penggunaan bahasa yang digunakan. Perbualan juga dilihat dari segi sistem yang berlaku dalam sesebuah perbualan bagi memastikan perbualan tersebut dijalankan dengan teratur. Ini ~~jelas~~ menunjukkan bahawa setiap perbualan seharusnya mempunyai sistem yang tersendiri untuk mengelakkan daripada penyampaian maklumat tidak teratur. Oleh itu, struktur interaksi ini dilihat penting dalam sidang media agar penyampaian maklumat oleh penutur akan teratur dan difahami masyarakat.

Di samping itu, kajian yang dijalankan ini juga dapat memberikan pengetahuan kepada pemeran dan masyarakat mengenai aspek struktur interaksi yang terdapat dalam sidang media. Azean Idruwani, Ahmad Mahmood dan Sharil Nizam (2019) menyatakan bahawa turutan perbualan bukan sahaja memberikan pengetahuan dan penguasaan mengenai cara tanya jawab dalam perbualan tetapi juga menjadi tunjang atau asas dalam kelancaran sesebuah perbualan. Perkara ini juga disokong oleh kenyataan yang disampaikan oleh Roslina Mamat (2004), iaitu kajian bahasa melalui perbualan boleh memberi pengetahuan asas tentang dunia dan pemikiran sesuatu bangsa. Hal ini demikian kerana, apabila penutur mempunyai pengetahuan berkaitan struktur interaksi, maka mereka dapat memastikan susunan struktur interaksi yang

berlaku dalam setiap perbualan. Perkara ini dapat mengelakkan daripada berlaku salah faham antara satu sama lain sehingga menyebabkan maklumat yang disampaikan kabur. Oleh itu, kajian ini boleh dijadikan rujukan serta menambahkan pengetahuan kepada pemeran yang akan terlibat dalam sidang media agar dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna. Pengkaji juga dapat memahami dengan lebih mendalam mengenai struktur interaksi dalam sidang media COVID-19 KKM ini.

Berdasarkan pernyataan di atas jelas menunjukkan kepentingan kajian untuk penyelidikan pengkaji. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat memberikan manfaat dalam bidang wacana.

## **1.11 DEFINISI OPERASIONAL**

Oleh sebab kajian ini menumpukan kepada perbincangan mengenai struktur interaksi, maka konsep struktur interaksi akan dibincangkan terlebih dahulu. Diikuti huraian istilah-istilah lain yang berkaitan dengan kajian ini turut diberikan perhatian untuk memudahkan pemahaman.

Berikut merupakan konsep-konsep asas kajian berdasarkan huraian definisi operasional yang akan dibincangkan oleh pengkaji mengikut pandangan sarjana barat dan tempatan.

### **1.11.1 Struktur interaksi**

Struktur interaksi merupakan pendekatan untuk mengkaji struktur yang wujud dalam perbualan antara seorang penutur dengan penutur yang lain (Liddicoat, 2011). Struktur yang terdapat dalam perbualan ini bertujuan untuk memastikan perbualan yang berlaku itu tersusun dan teratur. Ini menunjukkan bahawa setiap pemeran memainkan peranan bagi memastikan struktur interaksi yang berlaku dipatuhi oleh setiap pemeran.

Menurut pandangan Asmah (2010) struktur interaksi merujuk kepada